

INTENSI TINGKAH LAKU DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP SEXTING

Siti Nasarah Binti Ismail
Prof. Madya Dr. Abdul Rauf Bin Haji Ridzuan

ABSTRAK

Penggunaan media sosial untuk berhubung telah membawa kepada kepelbagaian tingkah laku yang boleh menjurus kepada aspek negatif antaranya adalah sexting. Objektif kertas kajian konsep ini adalah untuk memberi penjelasan berkaitan topik dan pembolehubah kajian iaitu penggunaan media sosial, intensi tingkah laku dan sexting. Analisis kertas kajian konsep ini memberi tumpuan kepada mesej seksual ataupun sexting dalam media sosial seperti Instagram, Facebook, Twitter, Whatsapp, Telegram dan Snapchat. Ini adalah berikutan daripada penggunaan media sosial yang meluas dalam kalangan setiap masyarakat. Hampir setiap individu memiliki telefon pintar seawal dari sekolah rendah dan ini membolehkan mereka untuk memasang aplikasi media sosial dalam peranti mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tingkah laku sexting dalam kalangan pengguna media sosial, hubungan antara intensi tingkah laku dan sexting, hubungan antara intensi tingkah laku dan penggunaan media sosial dan menentukan sama ada penggunaan media sosial mempengaruhi hubungan antara intensi tingkah laku dan sexting. Penyelidik akan menggunakan kaedah soal selidik dalam pengumpulan data. Selain itu, untuk kertas konsep ini, penyelidik juga menjalankan kajian secara kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini digunakan untuk mengenalpasti intensi tingkah laku terhadap penggunaan media sosial dan intensi kepada sexting. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami faktor atau elemen media sosial yang mempengaruhi pengguna menggunakannya seterusnya membawa kepada tingkah laku sexting tersebut. Penyelidik merujuk kepada Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) oleh Ajzen (1991).

Kata kunci: sexting, mesej seksual, komunikasi seksual, penggunaan media sosial, dan intensi tingkah laku.

PENGENALAN

Terdahulu Internet adalah satu-satunya perantara yang membenarkan penglibatan hubungan sosial tetapi kini dengan kemunculan aplikasi mudah alih, hubungan dengan individu lain melalui telefon bimbit sama ada melalui Android atau Windows menjadi lebih mudah (Siew et al., 2016). Kemajuan teknologi telah memberi manfaat kepada para pengguna dalam pelbagai aspek dan membuatkan kehidupan seharian menjadi lebih mudah. Tambahan pula, era hubungan sosial melalui aplikasi mudah alih membolehkan individu bukan sekadar menggunakan Internet untuk mencari maklumat yang diperlukan tetapi paling menarik ialah mereka dapat berkomunikasi dengan individu lain dan berkongsi idea (Ramadani et al., 2014). Separuh daripada pengguna internet menggunakan Internet selama 5 hingga 12 jam sehari, meningkat 13 peratus daripada 37 peratus pada tahun 2018 dan kebanyakannya atas alasan sosial seperti menghantar pesanan teks, suara / video dan rangkaian sosial. (Internet Users Survey, 2020).

Sejarah media sosial telah bermula dengan kemunculan *Friendster* pada tahun 2002, dan mendapat reaksi luar biasa dari seluruh dunia kerana penggunaannya membolehkan pengguna berinteraksi dengan orang lain (Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi et al., 2019). Kemudian, pada tahun 2004, *Facebook* dicipta oleh Mark Zuckerberg yang membenarkan pengguna memuat naik video atau menulis sesuatu kepada pengguna lain dan bahagian yang paling menarik ialah mereka boleh berbual dalam talian (Ika Destiana et al., 2013). Selepas beberapa tahun, muncul pula aplikasi media sosial lain seperti *Instagram*, *Snapchat*, *WhatsApp* dan *Telegram* yang menawarkan lebih banyak fungsi interaktif yang pelbagai. Sekaligus ini menjadikan rangkaian sosial atau media sosial semakin penting (Md. Uzir Hossain Uzir et al., 2020). Perkhidmatan aplikasi media sosial ini juga murah dan kebanyakannya adalah percuma untuk digunakan (Whiting & William, 2013). Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Internet Users Survey, 2020), telah menunjukkan media sosial berada pada kedudukan kedua tertinggi (93.3%) daripada 5 aktiviti dalam talian dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun 2021, terdapat peningkatan 2.0 juta pengguna media sosial di Malaysia berbanding tahun 2020 di mana pada bulan Januari 2021, sebanyak 28.0 juta pengguna media sosial dilaporkan (Kemp, 2021).

Teknologi media sosial telah merevolusikan cara orang berkomunikasi dan bersosial dalam dunia maya. Teknologi ini menyediakan aplikasi yang memudahkan pengguna dengan kepelbagaian fungsi seperti membenarkan pengguna berkongsi maklumat dalam bentuk teks, grafik, audio dan video (Mohd Azul Mohamad Saleh & Nurul Madiha Mohd Ilham, 2017). Di samping itu, ciri-ciri media sosial itu sendiri menawarkan komunikasi dua hala seperti komunikasi tatap muka dan membolehkan orang berhubung dari seluruh dunia (Nor'izah Ahmad et al., 2020). Komunikasi atau interaksi dua hala ini boleh menghasilkan kebahagiaan dan kegembiraan di antara dua individu (Dir & Cyders, 2015). Namun begitu, walaupun terdapat kesan positif dari penggunaan media sosial, beberapa literatur menunjukkan bahawa terdapat juga impak negatif terutamanya jika pengguna salah menggunakannya (Hamad, 2020).

LATAR BELAKANG

Kajian ini merujuk kepada Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour* - TPB) (Ajzen, 2005) yang dibahagikan kepada sikap (*attitude*), norma subjektif (*subjective norm*) dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (*perceived behavioural control*) (Liong & Cheng, 2017) dalam mengenal pasti intensi tingkah laku untuk menggunakan media sosial dan intensi kepada sexting. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami faktor atau elemen media sosial yang mempengaruhi pengguna dan membawa kepada intensi untuk terlibat dalam tingkah laku sexting tersebut. Kajian ini mengatasi jurang melalui pengukuran

terhadap intensi tingkah laku sama ada norma subjektif, sikap, atau kawalan tingkah laku yang dirasakan dalam menggunakan media sosial dalam kalangan pengguna media sosial dan membawa kepada penglibatan sexting. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah ini, sama ada pemboleh ubah intensi tingkah laku terhadap penggunaan media sosial atau faktor penggunaan media sosial terhadap sexting atau intensi tingkah laku melalui penggunaan media sosial.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan media sosial diakui memberi kesan luar biasa kepada pengguna, sama ada dari aspek positif atau negatif. Terdapat banyak kajian membincangkan isu berkaitan penggunaan media sosial daripada pelbagai aspek. Menurut Laporan Statista, sekitar 86 peratus rakyat Malaysia adalah pengguna media sosial aktif merangkumi sekitar 62 peratus daripada keseluruhan populasi Malaysia pada Januari 2021 dan terdapat kenaikan 24 peratus daripada tahun 2016 (Hanadian Nurhayati-Wolff, 2021). Media sosial seperti *WhatsApp*, *Instagram*, *Telegram*, *WeChat*, *SnapChat*, *Linkedin*, *Facebook*, dan lain-lain adalah sangat berguna dan bermanfaat untuk pelbagai penggunaan. Platform ini memberi peluang kepada pengguna untuk terlibat dengan interaksi (teks) dengan pengguna lain, sama ada rakan, keluarga, saudara, atau rakan sekerja. Namun, sebilangan pengguna mungkin menggunakan media sosial tanpa menyedari bahawa akaun tersebut dikendalikan oleh individu yang mempunyai banyak kekurangan.

Kelaziman menggunakan aplikasi media sosial diyakini dapat memberi pengaruh kepada peningkatan kebarangkalian untuk terlibat dengan sexting, kerana perkembangan sexting berubah dengan cepat seiring dengan perkembangan teknologi media sosial (Dias et al., 2017). Perkembangan teknologi komunikasi merangkumi konsep aplikasi baharu dan kemunculan pesat telefon pintar di pasaran membawa kepada kecenderungan tingkah laku tertentu seperti sexting (Dias et al., 2017). Disokong oleh pernyataan lain yang menunjukkan bahawa peningkatan perkembangan media sosial memperlihatkan berlakunya corak tingkah laku baharu (Olatunji et al. 2019; Liong & Cheng, 2017).

Di Malaysia, terdapat dapatan kajian yang menunjukkan bahawa motif penggunaan media sosial dalam kalangan remaja adalah untuk berbual dan berkomunikasi mengenai seks dengan orang lain melalui dalam talian (Nor Syafini Mohd Muhaiyuddin et al., 2015). Menurut D'Antona et al., (2010), majoriti kanak-kanak terlibat dengan pemesejan (*texting*) dan menghantar teks dan sebahagian besar masa mereka dipenuhi dengan tingkah laku tersebut. Kenyataan ini disokong oleh penyelidik terdahulu yang menunjukkan bahawa, intensi kepada seksual adalah salah satu kesan negatif dari penggunaan media sosial (Arsad FS et al., 2021). Di samping itu, terdapat kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat telah menunjukkan bahawa penggunaan media sosial mengakibatkan tingkah laku seksual seperti sexting (American College of Obstetricians, 2016).

Tambahan pula, pendedahan dan penggunaan media sosial yang kerap boleh menyebabkan ketagihan. Griffith dan Kuss (2017) dalam kajian mereka menyatakan penggunaan aplikasi khusus, termasuk panggilan, komunikasi langsung dan penggunaan media sosial dapat menyebabkan ketagihan. Ketagihan seperti ini boleh memberi kesan terhadap kehidupan pengguna (Sheldon et al., 2020) dan memberi kesan negatif kepada kanak-kanak seperti buli siber, sexting, pornografi, kesihatan fizikal dan mental (Kalaisilven dan Mohd Fauzi Sukimi, 2019).

Banyak kajian terdahulu mengenai isu sexting dalam kalangan populasi remaja dan kebarangkalian ke arah tingkah laku berisiko lain dan kesan sexting telah diperbincangkan (Holloway, 2019). Walau bagaimanapun, kurang pengetahuan tentang niat, intensi tingkah laku atau motif pengguna menggunakan media sosial sehingga mempengaruhi kepada penglibatan dalam sexting. Bahkan, dikatakan generasi masa kini telah menyalahgunakan penggunaan teknologi komunikasi (Suzen Abd Ghani, et al., 2018).

Penyalahgunaan media sosial ini boleh mengakibatkan pelbagai implikasi yang akan merosakkan dan merugikan generasi atau masyarakat sekarang. Beberapa implikasi negatif termasuk penghinaan, penyebaran gambar berunsur seksual secara terbuka, seks secara paksa dan kesan lain dari segi undang-undang jika melibatkan bawah umur (Liong & Cheng, 2017). Berikutan implikasi ini, masalah sexting tidak boleh dipandang ringan kerana jelas terdapat kesan negatif jika tidak ada pencegahan yang diambil dan kajian mengenainya perlu untuk mengenal pasti intensi tingkah laku yang berkaitan dengan sexting.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat berpandukan beberapa objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap tingkah laku sexting dalam kalangan pengguna media sosial.
- ii. Mengetahui hubungan antara intensi tingkah laku dan sexting.
- iii. Mengetahui hubungan antara intensi tingkah laku dan penggunaan media sosial.
- iv. Menentukan sama ada penggunaan media sosial mempengaruhi hubungan antara intensi tingkah laku dan sexting.

INTENSI TINGKAH LAKU

Berdasarkan konteks kajian ini, intensi tingkah laku membawa maksud niat atau objektif seseorang untuk melaksanakan atau melakukan sesuatu tindakan atau tingkah laku (Choi et al., 2020). Walaupun begitu, ia tidak terhad kepada niat melakukan sesuatu sahaja. Bahkan, intensi tingkah laku merangkumi kedua-dua arah iaitu niat untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, penyelidik merujuk kepada Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) oleh Ajzen (2005), iaitu intensi tingkah laku terbahagi kepada tiga aspek, sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan.

SEXTING

Merujuk kajian terdahulu, terdapat pelbagai versi definisi sexting. Sexting berasal dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu kata akar "sex" dan "text". Definisi sexting yang paling asas adalah menghantar gambar seksual yang eksplisit (Casas et al., 2019). Ditambah oleh Wilson et al (2021), sexting adalah amalan menghantar atau menerima mesej atau gambar yang berunsur seksual melalui telefon bimbit. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku sexting bukan sekadar menghantar gambar seksual, bahkan juga menghantar mesej seksual berbentuk teks juga diambil kira. Pernyataan ini disokong oleh Arsad FS et al (2021) yang menyatakan tindakan menghantar mesej dengan kandungan seksual kepada orang lain juga didefinisikan sebagai sexting. Sexting adalah tindakan individu, terutamanya golongan muda yang membuat, bertukar, menghantar, atau menyiarkan mesej atau gambar berunsur seksual secara pantas melalui Internet, telefon bimbit, atau peranti elektronik lain (Olatunji et al., 2019). Oleh itu secara rumusan, sexting adalah digambarkan sebagai pengiriman, penerimaan, atau penyebaran mesej, gambar, atau gambar eksplisit seksual kepada orang lain melalui kaedah elektronik, terutamanya menggunakan telefon bimbit (Klettke et al., 2014). Jika disesuaikan dengan perkembangan teknologi kini, definisi sexting lebih tepat berdasarkan konteks kajian ini adalah proses menghantar, menerima atau menyebarkan sama ada teks, gambar, video atau audio yang mengandungi unsur seksual secara tersirat atau tersurat menggunakan peranti elektronik dan aplikasi media sosial.

Tingkah laku sexting ini berlaku dalam kalangan semua kelompok umur, daripada kanak-kanak sehinggalah kepada golongan dewasa. Walaupun begitu, terdapat banyak kajian terdahulu yang memberi tumpuan kepada penglibatan atau kesan sexting ini kepada remaja atau golongan belia. Pemerintah Korea Selatan menggambarkan sexting dalam kalangan belia adalah mereka yang menggunakan telefon bimbit untuk membuat atau menyebarkan (menghantar dan menerima) kandungan yang merangsang seksual sama ada melalui perkataan atau mesej audio, gambar dan video tanpa tujuan komersial (Song et al., 2018).

Penerimaan, penglibatan, kesan tingkah laku sexting ini mungkin berbeza-beza mengikut peringkat umur. Perbezaan sexting di antara golongan dewasa dan golongan remaja adalah bahagian yang paling menarik dalam isu kontroversi sexting ini (Song et al., 2018). Kajian menunjukkan umur telah terbukti menjadi faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku sexting dan kebiasaannya remaja yang lebih tua dan orang dewasa lebih sering terlibat dengan tingkah laku sexting ini berbanding remaja dan golongan belia (Reed et al., 2020). Kelaziman sexting dalam kalangan orang dewasa telah dikaji oleh penyelidik (Wilson, et al., 2021). Manakala menurut Boehler (2017), golongan belia telah mula mengambil bahagian dalam jenis hubungan seksual elektronik baharu, sexting ini kerana wujudnya aplikasi media sosial seperti aplikasi temu janji (*dating app*). Golongan remaja pula adalah mudah terdedah kepada bahan kandungan seksual terutamanya tanpa pengawasan dan kawalan diri yang betul sekaligus membawa kepada keterlibatan mereka dengan tingkah laku berisiko tinggi atas talian seperti sexting, pornografi, penderaan seksual dalam talian dan banyak lagi (Arsad FS et al., 2021).

Terdapat dapatan kajian yang menunjukkan bahawa populariti sexting telah meningkat dalam kalangan pelajar kolej, kerana komunikasi perantaraan komputer (*Computer-mediated communication - CMC*) terus menjadi mod komunikasi interpersonal umum (Hudson & Fetro, 2015). Penggunaan CMC sebagai mod utama berkomunikasi telah membawa kepada peningkatan tingkah laku sexting dalam kalangan pelajar kolej. Keyakinan diri adalah aspek yang dianggap berperanan dalam perlakuan sexting dalam kalangan orang muda. Mereka yang mempunyai keyakinan diri yang rendah lebih cenderung untuk terlibat dalam sexting (Olatunji et al, 2019). Kajian juga telah menunjukkan bahawa pesanan teks adalah paling digemari oleh orang muda untuk berinteraksi sexting (Hudson & Fetro, 2015). Terdapat perkaitan antara sexting dan pesanan teks yang berlebihan menunjukkan bahawa remaja yang hiperteks lebih selesa dengan komunikasi digital, oleh itu sexting lebih mudah bagi mereka (Dias, et al., 2017).

Remaja dan belia sememangnya mendapat manfaat daripada penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah untuk kegunaan peribadi, sosial dan fizikal. Namun, penggunaan yang keterlaluan boleh membawa kepada tingkah laku berisiko seperti siber buli, sexting, ketagihan dan seterusnya boleh memberi kesan kepada kesihatan (American College of Obstetricians, 2016). Disokong oleh dapatan kajian lain bahawa ketagihan Internet boleh diukur dengan skala masalah yang berkaitan dengan Internet, dan biasanya dikaitkan dengan sexting (Dias, et al., 2017). Apabila membincangkan keterlibatan dalam tingkah laku sexting ini dalam setiap peringkat umur, ia mempunyai implikasi dari aspek undang-undang berdasarkan usia subjek dalam kandungan sexting tersebut, dan jika ia melibatkan kanak-kanak di bawah umur biasanya dianggap perlakuan yang tidak dibenarkan dan haram (Klettke et al., 2014).

Terdapat pelbagai faktor relevan mengenai tingkah laku ini. Selain kesedaran akan kelaziman dan kesan dari tingkah laku sexting, pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana seseorang berfikir tentang sexting, termasuk sikap mereka terhadapnya, pandangan tentang kebarangkalian risiko, dan alasan penglibatan mereka dalam aktiviti ini akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif (Klettke et al., 2014).

Tingkah laku sexting terbahagi kepada dua jenis iaitu secara bebas yang dikategorikan sebagai kooperatif, dengan persetujuan atau eksperimental terhadap seks tanpa persetujuan iaitu secara paksaan (Reed et al., 2020). Sexting secara kooperatif atau secara konsensual ini berlaku dengan persetujuan bersama dan rasa hormat, tanpa paksaan atau tanpa penyebaran keluar mesej seksual (Hudson & Fetro, 2015). Sexting dengan persetujuan ini lazimnya berlaku dalam kalangan mereka yang saling mengenali, pasangan yang sudah berumah tangga mahupun pasangan kekasih. Berikutan itu, beberapa kajian telah menggabungkan pengiriman dan penerimaan untuk mencadangkan penyertaan keseluruhan dalam tingkah laku sexting, tetapi terdapat juga beberapa kajian yang memisahkan antara pengiriman dan penerimaan untuk menunjukkan penyertaan keseluruhan dalam tingkah laku sexting (Klettke et al., 2014).

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Media sosial adalah salah satu contoh platform komunikasi perantaraan komputer (*Computer mediated communication - CMC*). Definisi lain media sosial ialah laman web atau aplikasi yang membolehkan pengguna membuat, berkongsi, berinteraksi dan melihat kandungan secara maya (Md. Uzir Hossain Uzir et al., 2020). Istilah lain yang lazim digunakan adalah jaringan rangkaian sosial. Jaringan rangkaian sosial telah berkembang menjadi ruang siber untuk berkongsi dan mengesahkan pelbagai pemikiran dan membentuk pengetahuan kolektif yang pelbagai (Sinha et al., 2020). Populariti laman media sosial telah mendorong sosial interaksi dan penyertaan pada skala yang belum pernah terjadi sebelumnya (Khan, 2017).

Terdapat penyelidik terdahulu menyatakan media sosial memperbesar rangkaian sosial dan meningkatkan pendedahan untuk menggerakkan maklumat (Boulianne, 2015). Bahkan, berkongsi maklumat di media sosial meningkatkan kesunyian dan kepuasan bagi mereka yang baharu menjengah alam dewasa, sementara golongan dewasa yang lebih tua mempunyai persepsi dan penggunaan media sosial yang berbeza (Griffith & Kuss, 2017). Ditambah oleh Raza et al (2020), dengan menggunakan media sosial, pengguna mungkin semakin dekat dengan hubungan dan lingkaran sosial menjadi lebih luas sehingga dapat memenuhi kasih sayang mereka melalui rasa cinta, penerimaan dan pengertian dan mengurangi kesepian. Menurut Raza et al (2020) juga, penggunaan laman rangkaian sosial untuk berinteraksi dengan orang lain dapat memberikan kesan positif dalam kehidupan dan membawa kepada perasaan kekitaan dan mendapat sokongan sosial dari masyarakat.


TEORI TINGKAH LAKU TERANCANG (THEORY OF PLANNED BEHAVIOUR)

Teori tingkah laku terancang (TPB) ialah salah satu model yang sering disebut dan berpengaruh untuk meramal tingkah laku sosial manusia (Ajzen, 2011).

KERANGKA KAJIAN

Di bawah adalah gambarajah kerangka penyelidikan bagi kertas kajian konsep ini yang menunjukkan pembolehubah-pemboleh ubah yang ingin dikenal pasti. Bagi konstruk bebas iaitu intensi tingkah laku, pemboleh ubah di bawahnya terbahagi kepada sikap, norma subjektif dan tingkah laku yang dirasakan. Pemboleh ubah ini diadaptasi dari Teori Perilaku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) (Ajzen, 2005). Manakala penggunaan sosial media adalah pemboleh ubah pengantara dan sexting adalah pemboleh ubah bersandar.

Jadual 1: Kerangka Penyelidikan



Merujuk kerangka di atas, intensi tingkahlaku adalah konstruk bebas yang merangkumi pembolehubah seperti sikap, norma subjektif dan tingkahlaku yang dirasakan. Manakala penggunaan media sosial adalah pembolehubah pengantara iaitu menjadi medium kepada intensi untuk terlibat dengan sexting, maka sexting adalah pembolehubah bersandar.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk jenis kajian deskriptif digunakan untuk kajian ini. Kaedah pengumpulan data adalah dari peringkat primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan berdasarkan soal selidik yang akan diedarkan kepada 384 responden di Malaysia. Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 27 akan digunakan sebagai alat utama untuk analisis data. Analisis faktor dan *Cronbach's alpha* akan digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data. Data akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif, korelasi dan analisis regresi. Selain penggunaan SPSS untuk menganalisis data primer, kajian ini juga menggunakan kaedah sekunder iaitu menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengenal pasti setiap pemboleh ubah iaitu intensi tingkah laku (norma subjektif, sikap, kawalan tingkah laku yang dirasakan), penggunaan media sosial dan sexting. Menurut Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) dalam kajian mereka, proses pengumpulan data dan bukti daripada kajian yang dijalankan ke atas dokumen

sedia ada adalah satu kaedah kepustakaan. Penyelidik memperoleh dapatan untuk kajian konsep ini melalui pencarian artikel jurnal atas talian, buku-buku, tesis dan laporan. Dapatan mengenai definisi konsep, teori yang digunakan dan fakta berkaitan topik kajian juga diperoleh melalui kaedah ini.

KESIMPULAN

Secara umumnya, hasil dapatan kajian kepustakaan menunjukkan bahawa tingkah laku sexting boleh berlaku dalam penggunaan media sosial dan menunjukkan bahawa seseorang individu yang terlibat dengan tingkah laku sexting biasanya memiliki intensi tingkah laku ke arah itu, dan penggunaan media sosial adalah bertindak sebagai medium perantara. Tidak dinafikan bahawa penggunaan media sosial ini memberi banyak manfaat dan faedah kepada pengguna, diantaranya adalah dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan keluarga, rakan-rakan, dan saudara. Selain itu, teknologi yang tersedia dalam media sosial membuka ruang kepada para pengguna untuk bereksperimen dengannya untuk menjalankan pelbagai jenis aktiviti. Tetapi antara cabaran atau kesan yang dihadapi dalam berkomunikasi menggunakan aplikasi media sosial ini adalah kecenderungan dan kebarangkalian untuk mereka terlibat dengan tingkah laku sexting ini. Tingkah laku sexting ini boleh membawa kepada pelbagai lagi tingkah laku berisiko lain jika tidak dibendung. Bagaimanapun, aplikasi media sosial tetap akan menjadi pilihan sebagai pengantara dalam menyampaikan mesej, berhubung, dan menyebarkan maklumat. Walaupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah antara agensi yang dipertanggungjawab sebagai pelaksana undang-undang terhadap jenayah buli siber ini termasuk sexting, tetapi disiplin dan kawalan sendiri harus diutamakan dalam pengawalan tingkah laku ini daripada meluas dan membawa kepada tingkah laku berisiko lain.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality, and behaviour*. Open University Press.
- Ajzen, I. (2011). The theory of planned behaviour: Reactions and reflections. *Psychology and Health*, 26 (9), 1113-1127. DOI: 10.1080/08870446.2011.613995.
- Boehler, M.M. (2017). *Exploring the characteristics and motivations of undergraduates who sext* (Publication No. 10274881) [Master Dissertation, Wayne State University]. Proquest.
- Bou-Hamad, I. (2020). The impact of social media usage and lifestyle habits on academic achievement: Insights from a developing country context. *Children and Youth Services Review*.
- Boulianne, S. (2015). Social media use and participation: a meta-analysis of current research. *Information, Communication and Society*, 18 (5), 524-538. DOI:10.1080/1369118X.2015.1008542.
- Casas, J.A., Ojeda, M., Elipe, P., and Rey, R.D. (2019). Exploring which factors contribute to teens' participation in sexting. *Computers in Human Behaviour*. 60-69. <http://doi.org/10.1016/j.chb.2019.06.010>.
- Choi, H.C., Huang, S., Choi, H., & Chang, H. (2020). The effect of flight attendants' physical attractiveness on satisfaction, positive emotion, perceived value, and behavioral intention. *Journal of Hospitality and Tourism Management*, 44, 19-29. Doi:10.1016/j.jhtm.2020.05.001.
- D'Antona, R., Kevorkian, M., & Russom, A. (2010). Sexting, texting, cyberbullying and keeping youth safe online. *Journal of Social Sciences*, 523-528.
- Dias, Y.B., Berchtold, A., Surís, J.C., & Akre, C. (2017). Sexting and the definition issue. *Journal of Adolescent Health*, 544-554. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jadohealth.2017.05.009>
- Dir, A.L., & Cyders, M.A. (2015). Risks, risk factors, and outcomes associated with phone and internet sexting among university students in the United States. *Arch Sex Behav*, 1675-1684. <http://doi:10.1007/s10508-014-0370-7>.
- FS, A., MIA, A. K., & F, D. (2021). A systematic review of immersive social media activities and risk factors for sexual boundary violations among adolescents. *IJUM Medical Journal Malaysia*, 20 (1). <https://doi.org/10.31436/imjm.v20i1.1766>
- Griffith, M.D., & Kuss, D.J. (2017). Adolescent social media addiction (revisited). *Education and Health Journal* 33 (5), 49-52.
- Hanadian Nurhayati-Wolff. (2021, March). *Social media users as a percentage of the total population Malaysia 2021*. <https://www.statista.com/statistics/883712/malaysia-social-media-penetration/>
- Hudson, H.K., & Fetro, J.V. (2015). Sexual activity: Predictors of sexting behaviours and intentions to sext among selected undergraduate students. *Computer in Human Behaviour*, 49, 615-622. <http://dx.doi.org/10.1016/j.chb.2015.03.048>.
- Ika Destfana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan media sosial: Kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. *Malaysian Journal of Communication*, 125-140.
- Kalaisilven, S., & Mohd Fauzi Sukimi. (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media. *Akademika*, 111-124.
- Khan, M.L. (2016). Social media engagement: What motivates user participation and consumption on YouTube? *Computer in Human Behaviour*, 66, 236-247. <http://dx.doi.org/10.1016/j.chb.2016.09.024>.
- Kosenko, K., Luurs, G., & Binder, A.R. (2017). Sexting and sexual behavior, 2011-2015: A critical review and meta-analysis of a growing. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 141-160.
- Kemp, S. (2021). *Digital Malaysia 2021*. DATAREPORTAL. <https://datareportal.com/reports/digital-2021-malaysia>
- Klettke, B., Hallford, D.J., & Mellor, D.J. (2014). Sexting prevalence and correlate: A systematic literature review. *Clinical Psychology Review* 34, 44-53. <http://dx.doi.org/10.1016/j.cpr.2013.10.007>
- Liong, M., & Cheng, H.L. (2017). Sext and gender: Examining gender effects on sexting based on the theory of planned behaviour. *Behaviour & Information Technology*. <http://dx.doi.org/10.1080/0144929X.2016.1276965>
- Md. Uzir Hossain Uzir, Ishraq Jerin, Hussam Al Halbusi dan Abu Bakar Abdul Hamid. (2020). Does quality stimulate customer satisfaction where perceived value mediates and the usage of social media moderates? *Heliyon* 6.

- Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, Sasikumar Kamalanathan dan Ajmain @ Jimaain Safar. (2019). Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 87-100). Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azul Mohamad Saleh dan Nurul Madiha Mohd Ilham. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Malaysian Journal of Communication*, 502-512.
- Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid. (2016). Pantun melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 145-159.
- Sinha, N., Singh, P., Gupta, P., & Singh, P. (2020). Robotics at workplace: An integrated Twitter analytics – SEM based approach for behavioral intention to accept. *International Journal of Information Management*, 55.
- Nor Syafini Mohd Muhaiddin, Hanif Suhairi Abu Bakar dan Huzili Hussin. (2015). Sexting and adolescents: A qualitative research. *International Conference on Advanced Research in Business and Social Sciences 2015* (pp. 166-171). Kuala Lumpur: Panopoly Consultancy.
- Nor'izah Ahmad, Nurul Naimah Rose, Aida Shakila Ishak dan Chettiar R.P. (2020). The impacts of viral video through whatsapp among adolecense. *Journal of Physics: Conference Series*. doi:10.1088/1742-6596/1529/3/032014.
- Olatunji, B.A., Ayodeji, O.G., & Oniye, A.I. (2019). Prevalence and determinants of sexting behaviour among undergraduates in Kawara State. *Journal of Education and Learning* 13 (4), 567-574.
- Ramadani, V., Amir Demiri & Demiri, S.S. (2014). Social media channels: the factors that influence the behavioural intention of customers. *Int. J. Business and Globalisation*, 297-314.
- Raza, S.A., Qazi, W., Umer, B., & Khan, K.A. (2020). Influence of social networking sites on life satisfaction among university students: a mediating role of social benefit and social overload. *Health Education*, 120 (2), 141-164. <https://doi:10.1108/HE-07-2019-0034>
- Reed, L.A., Boyer, M.P., Meskunas, H., Tolman, R.M., & Ward, L.M. (2020). How do adolescents experience sexting in dating relationships? Motivations to sext and responses to sexting requests from dating partners. *Children and Youth Services Review*.
- Ridzuan, A. R. (2016). *Mediating effects of ethnocentrism on relationship between social networking site factors and social solidarity*. University Technology MARA.
- Sheldon, P., Antony, M.G., & Sykes, B. (2020). Predictors of problematic social media use: Personality and life-position indicators. *Psychological Report*, 1-24. <https://DOI:10.1177/0033294120934706>.
- Siew Ming Thang, Noorizah Mohd. Noor dan Adzuhaidah M. Taha. (2016). Effects of social networking on malaysian secondary school. *Social Science & Humanities*, 157-168.
- Song, J., Song, T.M., & Lee, J.R. (2018). Stay alert: Forecasting the risks of sexting in Korea using social big. *Computers in Human Behavior* 81, 294-302.
- Suzen, A.G., Roslee, A., Aqeel, K., and Salleh, A. (2018). *Sexting phenomenon among teenagers. A case study in Pontian, Johor. Studies in Applications of Psychology and Counselling in Asian Context*. Serials Publications Pvt. Ltd.
- Whiting, A., & Williams, D. (2013). Why people use social media: a uses and gratifications approach. *Qualitative Market Research: An International Journal* 16 (4), 362-369. DOI 10.1108/QMR-06-2013-0041
- Wilson, C., Steen, T.V., Akinyode, C., Brodie, Z.P., and Scott, G.G. (2021). To sext or not to sext. The role of social-cognitive processes in the decision to engage in sexting. *Journal of Social and Personal Relationships*, 1-20. DOI: 10.1177/0265407521995884.

Siti Nasarah Binti Ismail
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau
713000 Rembau, Malaysia
Email: sitinasarah@uitm.edu.my

Prof. Madya Dr. Abdul Rauf Bin Haji Ridzuan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah,
78000 Alor Gajah, Melaka
Email: abdulrauf@uitm.edu.my